

...dengan 18 ahli Parlimen Barisan Nasional menyatakan persetujuan manakala 81 ahli Parlimen Pakatan Rakyat menyuarakan bantahan. Hakikatnya, kini kerajaan akan tetap melaksanakan GST menjelang 2015.

Secara dasarnya GST adalah satu sistem percukaian yang telus, efisien untuk dilaksanakan bagi jangka masa yang akan datang. Persoalannya, apakah Malaysia sudah bersedia? Falsafah pelaksanaan GST bukanlah untuk mencipta hasil baru atau meningkatkan pendapatan bagi negara tetapi adalah untuk memastikan satu sistem percukaian yang saksama dan menyeluruh.

GST juga menjadi satu rangsangan kepada rakyat untuk meningkatkan simpanan serta tidak boros dalam berbelanja. Pendek kata, GST bertujuan untuk mengagihkan atau memperbanyakkan hasil cukai, bukannya menambahkan bebanan cukai. Di saat ini, kesesuaian waktu dan suasana ekonomi negara yang tidak diurus tadbir dengan baik; maka adalah sukar untuk kita mewajarkan pelaksanaan GST.

GST meningkatkan kos perubatan

Pembiayaan perkhidmatan kesihatan di Malaysia adalah satu isu besar dan menjadi kayu pengukur kepada

gal untuk memahami bahawa GST tidak hanya bertindak di satu peringkat sahaja tetapi melibatkan beberapa lapisan perkhidmatan dan pembekalan. Ini adalah prinsip asas di dalam sektor pembekalan dan perkhidmatan. Saat artikel ini ditulis, Menteri dan Kementerian Kesihatan masih gagal untuk menjawab beberapa persoalan penting apabila melibatkan GST dan perkhidmatan kesihatan dan kesannya kepada rakyat Malaysia.

Antara persoalan yang timbul adalah; apakah kerajaan akan menetapkan kadar yuran perkhidmatan kesihatan? Apakah yuran konsultasi doktor, paramedik, fisioterapi, rehabilitasi juga akan dikawal? Apakah produk kesihatan seperti ubatan atau alatan yang dijual di pasaran bebas atau kaunter farmasi akan dikawal harganya? Ini adalah persoalan-persoalan yang wajib diambil kira oleh rakyat apabila mendepani GST. Tidak cukup sekadar mengganggu percaya dengan kenyataan menteri bahawa rakyat tidak perlu risau.

Anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk sektor kesihatan bagi tahun 2014 adalah mencecah RM22 bilion menurut Kementerian Kewangan. Perbelanjaan besar ini pastinya akan meningkat apabila dilihat kepada beban kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan akibat pengenalan GST.

Apakah Kerajaan Barisan Nasional sanggup menaikkan kadar perkhidmatan kesihatan awam? Apakah subsidi kesihatan akan dikurangkan demi menampung semula beban kos yang meningkat untuk mengurus sektor kesihatan? Akhirnya dalam usaha kerajaan untuk menambah pendapatan negara melalui GST, kerajaan sebenarnya terpaksa menanggung kos pengurusan yang lebih tinggi.

GST untuk tampung ketirisan, kebocoran dan rasuah kerajaan

Di saat ketirisan, kebocoran, rasuah dan kegagalan kerajaan untuk melaksanakan sistem tender terbuka masih lagi menghantui pengurusan ekonomi negara, adalah tidak wajar dan tidak bertanggungjawab untuk Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan GST dan cuba untuk menampung ke-lompongan yang ada dengan membebankan rakyat.

Negara ini bahkan pernah dilabel sebagai negara teratas di dalam persepsi rasuah jika dirujuk kepada kajian Ernst & Young (E&Y) di dalam Asia-Pacific Fraud Survey Report Series 2013. Lebih daripada 64% responden percaya untuk melakukan bisnes di Malaysia haruslah melibatkan rasuah dan lebih

71% percaya bahawa rasuah adalah kos tersembunyi yang tidak dapat dielakkan dalam melakukan bisnes di negara ini. Beginilah kritikalnya persepsi rasuah di negara kita.

Rakyat harus sedar, negara ini adalah negara yang kaya dengan hasil bumi dan sumber alam, jika ekonomi ditadbir dengan baik dan ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti menjadi prinsip pentadbiran kerajaan, maka pastinya beban kehidupan rakyat akan dapat dikurangkan dan lebih banyak pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas seperti perkhidmatan kesihatan dapat disediakan untuk rakyat.

Apa yang perlu untuk Malaysia sekarang bukanlah sistem percukaian GST; tetapi Malaysia perlukan kerajaan yang cekap, telus dan akauntabiliti. Kita percaya, jika ketirisan, rasuah dan kebocoran ini dapat diatasi dengan tatakelola kerajaan yang baik, cekap, telus dan akauntabiliti maka lebih daripada RM30 bilion dapat diselamatkan setiap tahun.

Tolak GST! Selamatkan Malaysia!

** Penulis merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya*

** Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Suara Keadilan*